

NO SOALAN :19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI
(KUDAT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.11.2016

Y.B. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah Kementerian dapat menyegerakan pembinaan bank di Daerah Pitas khususnya Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Agro Bank walaupun telah berkali-kali melawat dan memberi jaminan untuk menyediakan perkhidmatan bank ke situ semenjak beberapa tahun lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan maklumat bincian pada tahun 2010, daerah Pitas, Sabah mempunyai kepadatan

penduduk sekitar 37,800 orang. Buat masa ini, telah terdapat lapan ejen BSN dan satu ejen Agrobank yang menyediakan perkhidmatan ejen perbankan di sekitar daerah tersebut. Ejen perbankan dilantik oleh institusi kewangan untuk menyampaikan perkhidmatan kewangan; dan antara perkhidmatan perbankan asas yang disediakan oleh ejen perbankan adalah seperti berikut :

- (i) Mengambil deposit;
- (ii) Mengendalikan pengeluaran wang;
- (iii) Mengendalikan pindahan dana atau wang;
- (iv) Menerima pembayaran pinjaman atau pembiayaan;
- (v) Mengendalikan pembayaran bil; dan
- (vi) Membuka akaun simpanan (BSN sahaja).

Selain itu, terdapat juga cawangan Bank Rakyat, Agrobank dan Alliance Bank di daerah Kota Marudu yang terletak dalam lingkungan 23 kilometer dari sempadan daerah Pitas yang menyediakan lain-lain urusan perbankan. Oleh itu, perkhidmatan perbankan yang sedia ada di daerah Pitas dianggarkan dapat memenuhi keperluan perbankan penduduk Pitas.